

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]
TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang “realistic” diambil Kerajaan untuk menarik balik semua warga kita yang bekerja di Singapura pada keadaan nisbah pertukaran wang di paras SDR 1 : RM 3.2.

PR-1423-L06398

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Trend warganegara Malaysia yang bekerja di Singapura pada masa ini bertambah sekali ganda berbanding 5 tahun lepas. Ini disebabkan oleh peluang pekerjaan dan gaji yang lebih tinggi yang ditawarkan di Singapura. Selain itu, nilai kadar pertukaran mata wang Singapura yang lebih tinggi berbanding Malaysia juga merupakan antara faktor yang menarik lebih ramai rakyat Malaysia untuk bekerja di Singapura. Secara dasarnya, Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan ekonomi pasaran terbuka dan tidak menghalang rakyat Malaysia bekerja di luar negara.

SOALAN NO: 7

2. Menyedari akan hakikat ini, Kerajaan melalui pengumuman Belanjawan 2020 telah melancarkan inisiatif #MalaysiaKerja bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih baik untuk belia dan wanita sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah. Secara ringkasnya, #MalaysiaKerja dibahagikan kepada empat (4) program yang disasarkan kepada pekerja dan majikan dengan menyediakan pelbagai insentif terutamanya insentif ketiga iaitu:

- (i) #WatanKerja (Locals@Work) iaitu program kesamarataan kos pengambilan pekerja yang bertujuan mengalihkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah. Warganegara yang menggantikan pekerja asing akan diberikan insentif gaji selama dua (2) tahun sebanyak RM350 atau RM500 sebulan mengikut sektor. Manakala, majikan pula akan menerima insentif pengambilan sebanyak RM250 sebulan dalam tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berdasarkan Laporan Kajian Warga Malaysia Yang Bekerja di Singapura Fasa Kedua Tahun 2018 yang diterbitkan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), dianggarkan seramai 61,108 orang (20.2 peratus) rakyat Malaysia yang menetap di Singapura merupakan tenaga berkepakaran tinggi. Sebagai usaha untuk menarik tenaga mahir dan berkemahiran tinggi anak-anak tempatan yang bekerja di Singapura, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) Pelaksanaan *Returning Expert Program* (REP) iaitu program menggalakkan profesional Malaysia untuk kembali dan berkhidmat di tanah air dengan mengisi pelbagai jawatan penting dalam organisasi di Malaysia. Sebanyak 1,513

SOALAN NO: 7

permohonan daripada profesional Malaysia yang bekerja di Singapore dan 848 permohonan yang telah diluluskan.

- (ii) Program Diaspora Perantauan Profesional Malaysia atau lebih dikenali sebagai KNOWMADS untuk memudahcara para profesional yang kini berada di perantauan untuk masih memberikan sumbangan dan berkongsi kepakaran mereka untuk pembangunan negara;
- (iii) Kerajaan mengamalkan dasar di mana keutamaan penggajian diberikan kepada warga tempatan terutamanya dalam bidang berkepakaran tinggi. Pihak majikan kebiasaannya akan turut mengutamakan pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan-kekosongan bagi jawatan yang diperlukan. Pengambilan Pegawai Dagang (Ekspatriat) hanya akan dilakukan apabila kemahiran atau kepakaran yang diperlukan tidak dimiliki oleh warga tempatan atau bilangannya sangat terhad untuk memenuhi kekosongan jawatan yang ditawarkan;
- (iv) Menambahbaik kawalan penggajian ekspatriat melalui kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri, jabatan dan agensi terlibat akan dipertingkatkan dengan memperkenalkan langkah-langkah yang lebih berkesan seperti pelaksanaan integrasi sistem dengan pelbagai agensi di bawah satu platform.

4. Melalui inisiatif sebagaimana yang telah dinyatakan ini, Kerajaan yakin usaha memudahcara kepulangan rakyat Malaysia berkemahiran tinggi merupakan instrumen bagi membantu memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dan industri sekaligus merapatkan jurang perbezaan kemahiran (*skills gap*) serta berupaya mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.